

**Kekeliruan di hari terbuka Bil Juru Komputer MostiMalaysiakini.com  
Disember 13 ,2011  
Hazlan Zakaria**

Hari terbuka Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diselubungi kekeliruan apabila panelnya yang menggubal rang undang-undang Lembaga Juru Komputer Profesional Malaysia 2011 (CPB2011) gagal menjawab soalan daripada beberapa hadirin yang terdiri daripada pakar IT Malaysia.

NONE"Kami tidak mahu undang-undan itu," kata seorang profesional IT yang jelas tidak gembira dan ini disambut oleh hadirin lain dengan berdiri bagi menyokongnya. Ini kerana sebahagian besar soalan yang diajukan bukan sahaja tidak dijawab dengan jelas tetapi pihak kementerian tidak mempunyai jawapannya.

Pakar industri daripada organisasi berasaskan komputer dan IT hadir hari ini bagi mendapatkan penjelasan tetapi tidak ada pegawai atasan kementerian yang hadir.

NONETurut hadir adalah setiausaha publisiti DAP Tony Pua. Beliau membidas kerajaan kerana didakwa tidak menyelaraskan acara hari ini dengan baik dan ketidakupayaan panel yang disediakan untuk menjawab soalan serta ketiadaan pegawai atasan kementerian.

Ahli parlimen Labis Chua Tee Yong, yang mengetuai kumpulan profesional muda MCA juga dijadualkan hadir pada sesi kedua hari terbuka ini. Adalah difahamkan beliau akan meluahkan bantahan partinya berhubung rang undang-undang itu.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/183996>